

09 DEC 2001

SIASATAN KEBAKARAN DTC DI LUAR BIDANG KUASA KEMENTERIAN, KATA KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak dapat memastikan bila siasatan polis mengenai kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya pada 29 Jun lepas, akan siap.

Timbalan menteri Datuk M. Kayveas berkata oleh kerana perkara itu telah menjadi kes polis, ia kini di luar bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat tapak baru pasar Jalan Pekeliling Lama di sini hari ini, beliau berkata Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menyiapkan laporannya dan ia telah dibentangkan kepada Kabinet, tetapi kerana terdapat perkara yang diragukan, polis telah diminta menyiasat.

"Itulah sebabnya laporan itu belum siap. Jawapannya mungkin pada polis," katanya ketika ditanya kenapa hasil siasatan itu belum diketahui dan diumumkan.

Kayveas berkata tidak wajar bagi beliau mengulas perkara itu tetapi berdasarkan penilaiannya, sukar untuk mengandaikan bahawa kebakaran itu berpunca daripada litar pintas.

Kebakaran awal pagi itu memusnahkan dewan berusia 37 tahun itu. Ia berlaku sehari sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan satu simposium di situ.

-- BERNAMA

AT HS MAI